



31 Disember 2012  
31 December 2012  
P.U. (A) 497

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (PREMIUM PERTAMA DAN PREMIUM TAHUNAN BERKENAAN DENGAN ANGGOTA PENANGGUNG INSURANS) 2012

*MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION (FIRST  
PREMIUM AND ANNUAL PREMIUM IN RESPECT OF  
INSURER MEMBERS) ORDER 2012*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

## AKTA PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA 2011

### PERINTAH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (PREMIUM PERTAMA DAN PREMIUM TAHUNAN BERKENAAN DENGAN ANGGOTA PENANGGUNG INSURANS) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 71(1) dan 72(2), Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 [*Akta 720*], Menteri, atas syor Perbadanan, membuat perintah yang berikut:

#### **Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Premium Pertama dan Premium Tahunan berkenaan dengan Anggota Penanggung Insurans) 2012.**

(2) Perintah ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2013.

#### **Kadar premium pertama bagi perniagaan takaful perpaduan keluarga**

2. Tertakluk kepada subseksyen 71(1) Akta, kadar premium pertama yang kena dibayar oleh suatu pengendali takaful yang menjalankan perniagaan takaful perpaduan keluarga bagi tahun taksiran yang ia menjadi suatu institusi anggota hendaklah 0.06% atas penilaian aktuari liabiliti takaful perpaduan keluarga berkenaan dengan manfaat dilindungi yang berkaitan setakat pada 31 Disember tahun taksiran yang sebelumnya.

#### **Kadar premium pertama bagi perniagaan takaful am**

3. Tertakluk kepada subseksyen 71(1) Akta, kadar premium pertama yang kena dibayar oleh suatu pengendali takaful yang menjalankan perniagaan takaful am bagi tahun taksiran yang ia menjadi suatu institusi anggota hendaklah 0.25% atas jumlah premium bersih yang diterima oleh pengendali takaful itu berkenaan dengan manfaat dilindungi yang berkaitan semasa tahun taksiran yang sebelumnya.

#### **Kadar premium pertama bagi perniagaan insurans hayat**

4. Tertakluk kepada subseksyen 71(1) Akta, suatu syarikat insurans baru sebagaimana yang ditakrifkan dalam peraturan 3 Peraturan-Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Sistem Premium Berbeza berkenaan dengan Anggota

Penanggung Insurans) 2012 [P.U. (A)496/2012], yang menjalankan perniagaan insurans hayat, hendaklah dikelaskan dalam kategori premium 1 bagi tahun taksiran pertamanya menurut Peraturan-Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Sistem Premium Berbeza berkenaan dengan Anggota Penanggung Insurans) 2012, dan kadar premium pertama yang kena dibayar oleh syarikat insurans itu bagi tahun taksiran itu hendaklah bersamaan dengan kadar premium yang dinyatakan dalam Jadual Pertama, dikira berdasarkan penilaian aktuari liabiliti insurans hayat berkenaan dengan manfaat dilindungi yang berkaitan setakat pada 31 Disember tahun taksiran yang sebelumnya.

#### **Kadar premium pertama bagi perniagaan insurans am**

5. Tertakluk kepada subseksyen 71(1) Akta, suatu syarikat insurans baru sebagaimana yang ditakrifkan dalam peraturan 3 Peraturan-Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Sistem Premium Berbeza berkenaan dengan Anggota Penanggung Insurans) 2012, yang menjalankan perniagaan insurans am, hendaklah dikelaskan dalam kategori premium 1 bagi tahun taksiran pertamanya menurut Peraturan-Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Sistem Premium Berbeza berkenaan dengan Anggota Penanggung Insurans) 2012, dan kadar premium pertama yang kena dibayar oleh syarikat insurans itu bagi tahun taksiran itu hendaklah bersamaan dengan kadar premium yang dinyatakan dalam Jadual Kedua, dikira berdasarkan jumlah premium bersih yang diterima oleh syarikat insurans itu berkenaan dengan manfaat dilindungi yang berkaitan semasa tahun taksiran yang sebelumnya.

#### **Kadar premium tahunan bagi perniagaan takaful perpaduan keluarga**

6. Tertakluk kepada perenggan 10, premium tahunan yang kena dibayar oleh suatu pengendali takaful yang menjalankan perniagaan takaful perpaduan keluarga bagi setiap tahun taksiran berikut dengan tahun taksiran yang ia menjadi suatu institusi anggota hendaklah 0.06% atas penilaian aktuari liabiliti takaful perpaduan keluarga berkenaan dengan manfaat dilindungi yang berkaitan setakat pada 31 Disember tahun taksiran yang sebelumnya.

**Kadar premium tahunan bagi perniagaan takaful am**

7. Tertakluk kepada perenggan 10, premium tahunan yang kena dibayar oleh suatu pengendali takaful yang menjalankan perniagaan takaful am bagi setiap tahun taksiran berikutan dengan tahun taksiran yang ia menjadi suatu institusi anggota hendaklah 0.25% atas jumlah premium bersih yang diterima oleh pengendali takaful itu berkenaan dengan manfaat dilindungi yang berkaitan semasa tahun taksiran yang sebelumnya.

**Kadar premium tahunan bagi perniagaan insurans hayat**

8. (1) Tertakluk kepada perenggan 11 dan apabila kategori premium yang dalamnya suatu syarikat insurans yang menjalankan perniagaan insurans hayat dikelaskan bagi suatu tahun taksiran menurut Peraturan-Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Sistem Premium Berbeza berkenaan dengan Anggota Penanggung Insurans) 2012, sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama, kadar premium tahunan yang kena dibayar oleh syarikat insurans itu bagi tahun taksiran itu adalah kadar premium yang dinyatakan bersamaan dengannya dalam Jadual Pertama, dikira berdasarkan penilaian aktuari liabiliti insurans hayat berkenaan dengan manfaat dilindungi yang berkaitan setakat pada 31 Disember tahun taksiran yang sebelumnya.

(2) Tertakluk kepada perenggan 11, suatu syarikat insurans baru sebagaimana yang ditakrifkan dalam peraturan 3 Peraturan-Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Sistem Premium Berbeza berkenaan dengan Anggota Penanggung Insurans) 2012, yang menjalankan perniagaan insurans hayat, hendaklah dikelaskan dalam kategori premium 1 bagi tahun taksiran keduanya menurut Peraturan-Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Sistem Premium Berbeza berkenaan dengan Anggota Penanggung Insurans) 2012, dan kadar premium tahunan yang kena dibayar oleh syarikat insurans itu bagi tahun taksiran kedua itu hendaklah bersamaan dengan kadar premium yang dinyatakan dalam Jadual Pertama, dikira berdasarkan penilaian aktuari liabiliti insurans hayat berkenaan dengan manfaat dilindungi yang berkaitan setakat pada 31 Disember tahun taksiran yang sebelumnya.

**Kadar premium tahunan bagi perniagaan insurans am**

9. (1) Tertakluk kepada perenggan 11 dan apabila kategori premium yang dalamnya suatu syarikat insurans yang menjalankan perniagaan insurans am dikelaskan bagi suatu tahun taksiran menurut Peraturan-Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Sistem Premium Berbeza berkenaan dengan Anggota Penanggung Insurans) 2012, sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua, kadar premium tahunan yang kena dibayar oleh syarikat insurans itu bagi tahun taksiran itu adalah kadar premium yang dinyatakan bersamaan dengannya dalam Jadual Kedua, dikira berdasarkan jumlah premium bersih yang diterima oleh syarikat insurans itu berkenaan dengan manfaat dilindungi yang berkaitan semasa tahun taksiran yang sebelumnya.

(2) Tertakluk kepada perenggan 11, suatu syarikat insurans baru sebagaimana yang ditakrifkan dalam peraturan 3 Peraturan-Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Sistem Premium Berbeza berkenaan dengan Anggota Penanggung Insurans) 2012, yang menjalankan perniagaan insurans am, hendaklah dikelaskan dalam kategori premium 1 bagi tahun taksiran keduanya menurut Peraturan-Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Sistem Premium Berbeza berkenaan dengan Anggota Penanggung Insurans) 2012, dan kadar premium tahunan yang kena dibayar oleh syarikat insurans itu bagi tahun taksiran kedua itu hendaklah bersamaan dengan kadar premium yang dinyatakan dalam Jadual Kedua, dikira berdasarkan jumlah premium bersih yang diterima oleh syarikat insurans itu berkenaan dengan manfaat dilindungi yang berkaitan semasa tahun taksiran yang sebelumnya.

**Amaun minimum premium tahunan bagi pengendali takaful**

10. Premium tahunan yang kena dibayar oleh suatu pengendali takaful yang menjalankan perniagaan takaful perpaduan keluarga atau takaful am bagi setiap tahun taksiran yang berikut dengan tahun taksiran yang ia menjadi suatu institusi anggota hendaklah tidak kurang daripada amaun minimum RM150,000.